




MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN



PELAN STRATEGIK


(2 0 2 1 ~ 2 0 2 5)

"An Efficient And Sustainable Padawan Municipality"

PELAN STRATEGIK
MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN
(2021-2025)

K
A
N
D
U
N
G
A
N

Kandungan	Muka Surat
Singkatan	1
Perutusan Pengerusi Majlis Perbandaran Padawan	2
Perutusan Setiausaha Majlis Perbandaran Padawan	3
Ringkasan Pelan Strategik MPP	4
Visi dan Misi Majlis Perbandaran Padawan	5
Pengurusan Pentadbiran MPP - Peringkat Penggubalan Dasar - Pembahagian Pentadbiran MPP	6
Tema Strategik dan Objektif Strategik	7
Meningkatkan Hasil Meningkatkan Hasil Sebanyak 3% Setahun	8
Penguatkuasaan Dan Pematuhan Peraturan Meningkatkan Pematuhan Terhadap Prosedur dan Peraturan	
Penglibatan Stakeholder Meningkatkan Hubungan Antara MPP & Masyarakat Tempatan	
Perkhidmatan Perbandaran Meningkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Majlis	
Modal Insan Memantapkan Modal Insan	
Hala Tuju Strategik	9
Objektif Strategik	10
Bidang Keberhasilan Utama (KRA) 1: Meningkatkan Hasil Objektif Strategik : Meningkatkan Hasil Sebanyak 3% Setahun	11 - 40
Bidang Keberhasilan Utama (KRA) 2: Meningkatkan Hasil Objektif Strategik : Meningkatkan Hasil Sebanyak 3% Setahun	
Bidang Keberhasilan Utama (KRA) 3: Meningkatkan Hasil Objektif Strategik : Meningkatkan Hasil Sebanyak 3% Setahun	
Bidang Keberhasilan Utama (KRA) 4: Meningkatkan Hasil Objektif Strategik : Meningkatkan Hasil Sebanyak 3% Setahun	
Transformasi Matang Objektif Strategik : Mengtransformasi Insitu Perkhidmatan Majlis di Kawasan Taman Matang Jaya, Taman Yen Yen , Taman Lee Ling dan Pusat Komersial Swan.	41-42
6 Nilai Bersama - Integriti - Prihatin dan Baik Hati - Profesionalisme - Kesegeraan dan Sepunya - Semangat Berpasukan - Berorientasikan Hasil	43
Elemen Penentu Kejayaan - Jadual Perancangan Pemantauan dan Penilaian Pelan Strategik - Jawatankuasa Transformasi Majlis Perbandaran Padawan	44



SINGKATAN

MPP	Majlis Perbandaran Padawan	PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
MS	Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar	KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
ENG	Bahagian Kejuruteraan	MOT	Ministry of Transport
ENF	Bahagian Penguatkuasa	JKR	Jabatan Kerja Raya
CDC	Bahagian Pembangunan Komuniti dan Korporat	SMA	Sarawak Multimedia Authority
CCL	Pegawai Pembangunan Komuniti, Korporat dan Perpustakaan	MLGH	Ministry of Local Government and Housing
KRA	Key Result Areas	INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
KFA	Key Focus Area	SHRU	State Human Resource Unit
ACR	Additional Collection Request	SAINS	Sarawak Information System Sdn Bhd.
RTP	Rural Transformation Project	JCI	Junior Chamber International
BP	Building Plan	OP	Occupation Permit
MARRIS	Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia	SBBS	Sistem Bayaran Bil Setempat
SDG	Sustainability Development Goals	BSC	Balanced Scorecard
NEMOSYS	New Monitoring System	MBJ	Majlis Bersama Jabatan
CIO	Chief Information Officer	eCSA	Electronic Compliance Self-Assessment
ACIO	Assistant Chief Information Officer	EFT	Electronic Fund Transfer
RCA	Root Cause Analysis	SOP	Standard Operating Procedure
RCC	Roller Compacted Concrete	CBOs	Community Based Organizations
CMT	Continuouse Mentoring and Training	NGOs	Non-Governmental Organizations
EE	Energy Efficiency	KRT	Kejiranan Rukun Tetangga
RE	Renewal Energy	JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
NCR	Non Conformance Report	PD	Perpustakaan Desa
ABMS	Anti Bribery Management System	DCC	Digital Community Centre

Perutusan Pengerusi

*Yang Berhormat Kaunselor Ir. Lo Kheng Chiang
Majlis Perbandaran Padawan*



Setinggi-tinggi ucapan syukur dan tahniah kepada semua warga Majlis Perbandaran Padawan (MPP) yang telah bertungkus lumus sehingga berjaya menghasilkan Buku Pelan Strategik MPP 2021-2025. Seperti yang sedia maklum, setiap Pihak Berkuasa Tempatan di Sarawak termasuk MPP sememangnya mempunyai visi dan misi yang tersendiri selaras dengan kehendak pihak Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Sarawak untuk memastikan perkhidmatan perbandaran yang cemerlang dapat disampaikan kepada rakyat.

Selain itu, Pelan Strategik ini juga bertujuan untuk memastikan MPP dapat menetapkan sasaran maksima serta dapat meningkatkan keberkesanan dengan mengenalpasti objektif strategik, inisiatif-inisiatif dan juga perancangan yang teliti dalam satu-satu bidang keberhasilan. Setiap perancangan bukan sahaja ditetapkan mengikut keselesaan MPP tetapi juga berdasarkan sasaran kerja yang telah ditetapkan seperti berpandukan KPI-KPI yang terdapat dalam Local Key Result Area, Sustainable Development Goals dan lain-lain inisiatif kerajaan.

Dengan wujudnya Pelan Strategik ini, MPP dapat memperkasakan lagi perkhidmatan dan menjadikan buku ini sebagai kamus dan juga panduan dalam menyampaikan perkhidmatan di dalam pejabat mahupun di lapangan.

Akhir kata, besarlah harapan saya untuk bersama-sama dengan semua kakitangan MPP bagi merealisasikan segala objektif strategik, inisiatif-inisiatif dan juga mengembleng seluruh tenaga serta usaha bagi memastikan segala perancangan yang ditetapkan dapat dicapai dan mempunyai impak yang tinggi terutamanya dalam meningkatkan kepuasan pelanggan serta rakyat yang tinggal di bawah urus tadbir MPP

PERUTUSAN SETIAUSAHA MPP

Yang Berusaha Puan Elizabeth Loh
Majlis Perbandaran Padawan



Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua warga MPP saya ucapkan kerana telah komited dalam merangka dan mengerah segala tenaga dalam membukukan Pelan Strategik Majlis Perbandaran Tahun 2021-2025 yang merupakan pelan bahan rujukan sepanjang lima tahun yang akan datang.

Dalam memastikan perkhidmatan perbandaran yang disampaikan efisien, cemerlang dan menepati kehendak pelanggan, pihak pengurusan dan juga kakitangan sokongan bekerjasama untuk memastikan strategi-strategi dan inisiatif-inisiatif bagi lima bidang keberhasilan adalah merupakan inisiatif yang proaktif dan mendapat sokongan daripada masyarakat setempat bagi mencapai hasil yang berimpak tinggi selaras dengan misi MPP yang memanfaatkan penglibatan komuniti bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat

Oleh yang demikian, dengan wujudnya Buku Pelan Strategik MPP 2021-2025, besar harapan saya untuk memastikan segala inisiatif-inisiatif dan perancangan dapat dilaksanakan dan dikaji semula bagi menepati objektif dan sasaran yang relevan dengan keperluan semasa.

PELAN STRATEGIK MPP

2021 ~ 2025



Pelan Strategik MPP 2021-2025 adalah merupakan hala tuju MPP untuk lima tahun yang telah dirangka berdasarkan keberkesanan dan relevan terhadap keperluan semasa.

Oleh yang demikian, bagi mencapai objektif, strategi dan inisiatif yang baru, pihak pengurusan dan juga warga MPP yang terlibat secara langsung dan tidak langsung telah bersama-sama mengerah tenaga dan komited memberikan idea semasa sesi pembukuan Buku Pelan StrategikMPP yang diadakan pada 22-23 April 2021 melalui aplikasi zoom.

Hasil daripada itu, Pelan Strategik 2021-2025 kekal meliputi 5 Bidang Keberhasilan Utama (*Key Result Area*) dan 5 hala tuju seperti yang berikut:

- 1.Menjana Hasil dari Sumber Baru
- 2.Mengenalpasti &membangunkan Potensi Pelancongan
- 3.Pembangunan Komuniti
- 4.Pembangunan Infrastruktur dan Sosio Ekonomi
- 5.Memantapkan Tadbir Urus dan Pembangunan Modal Insan

Selain itu, pengurusan Majlis turut mengenal pasti dan menilai strategi serta *Key Performance Indexes* (KPI) bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.



V I S I

**"AN EFFICIENT AND SUSTAINABLE
PADAWAN MUNICIPALITY"**



**Perbandaran Padawan Yang Cepak Dan
Mampan**

M I S I

**"MPP IS COMMITTED TO ADVANCE THE
QUALITY OF LIFE OF THE PEOPLE BY
PROVIDING EFFICIENT MUNICIPAL
SERVICES AND LEVERAGING ON
COMMUNITY PARTICIPATION"**



**MPP adalah komited untuk mempertingkatkan
kualiti kehidupan rakyatdengan menyediakan
perkhidmatan Perbandaran yang cekap serta
memanfaatkan penglibatan masyarakat
tempatan**

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN

Pengurusan dan pentadbiran MPP dibahagikan kepada dua (2) peringkat iaitu Penggubalan Dasar dan Pelaksanaan Dasar.

PERINGKAT PENGGUBALAN DASAR MPP

Peringkat Penggubalan Dasar diketuai oleh seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan 30 orang Ahli Majlis yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Sarawak seperti diperuntukkan di bawah Ordinan Kuasa Tempatan Negeri Sarawak 1996. Proses penggubalan dasar adalah berlandaskan Sistem Jawatankuasa Tetap dan Mesyuarat Penuh. Terdapat 8 Jawatankuasa Tetap iaitu:


- | | |
|--|--|
| 1. Jawatankuasa Tetap Kewangandan Perjawatan | 5. Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Alam Sekitar dan Perkhidmatan Majlis |
| 2. Jawatankuasa Tetap Hal Umum dan Pembangunan Komuniti | 6. Jawatankuasa Tetap Kerjaraya& Trafik |
| 3. Jawatankuasa Tetap Kawalan Bangunan & Landskap | 7. Jawatankuasa Tetap Tender |
| 4. Jawatankuasa Tetap Pasar, Pelesenan & Penguatkuasaan kesihatan Awam, Alam Sekitar dan Perkhidmatan Majlis | 8. Mesyuarat Majlis Penuh |

PEMBAHAGIAN PENTADBIRAN MPP


Untuk memenuhi kehendak-kehendak pelanggan, Pengurusan Majlis Perbandaran Padawan dibahagikan kepada 7 Bahagian utama untuk menyediakan perkhidmatan masing-masing iaitu:

- Bahagian Pembangunan Komuniti Dan Korporat
- Bahagian Kewangan
- Bahagian Penilaian dan Pencukaian
- Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar
- Bahagian Kejuruteraan
- Bahagian Penguatkuasaan
- Bahagian Perancangan dan Pembangunan

TEMA STRATEGIK, HASIL STRATEGIK, MODAL INSAN



HALA TUJU STRATEGIK



V I S I

**"AN EFFICIENT AND
SUSTAINABLE PADAWAN
MUNICIPALITY"**

Perbandaran Padawan Yang Cekap Dan
Mampan

1. Memantapkan keupayaan dan kapasiti Majlis Perbandaran Padawan bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan.
2. Memperkasakan Tadbir urus organisasi dan pembudayaan nilai-nilai murni ke arah kecemerlangan dan keutuhan organisasi.
3. Memperkukuhkan pengurusan dan perkhidmatan perbandaran bagi mempertingkatkan kualiti hidup yang mampan dan penglibatan aktif masyarakat tempatan.

M I S I

1. Mewujudkan lebih banyak kemudahan dan infrastruktur awam bagi mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat.
2. Memantapkan keupayaan dan kapasiti Majlis Perbandaran Padawan bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan.
3. Memperkukuhkan pengurusan dan perkhidmatan perbandaran bagi kemakmuran masyarakat.

**"MPP IS COMMITTED TO
ADVANCE THE QUALITY OF
LIFE OF THE PEOPLE BY
PROVIDING EFFICIENT
MUNICIPAL SERVICES AND
LEVERAGING ON
COMMUNITY
PARTICIPATION"**

MPP adalah komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat dengan menyediakan perkhidmatan perbandaran cekap serta memanfaatkan penglibatan masyarakat tempatan.

Objektif Strategik

MENINGKATKAN HASIL

Meningkatkan Hasil Sebanyak 3%

PENGUATKUASAAN DAN
PEMATUHAN PERATURAN

Meningkatkan Pematuhan Terhadap
prosedur dan Peraturan

PENGLIBATAN
STAKEHOLDER

Meningkatkan Hubungan Antara MPP
Dan Masyarakat Tempatan

PERKHIDMATAN
PERBANDARAN

Meningkatkan Kecekapan Penyampaian
Perkhidmatan Majlis

MODAL INSAN

Memantapkan Modal Insan

Bidang Keberhasilan Utama (KRA) 1: Meningkatkan Hasil

Objektif Strategik: Meningkatkan Hasil Sebanyak 3% Setahun

Strategi	KPI	Initiatif	Pegawai Yang Bertanggungjawab
1.1 Menambah hasil Majlis dari Cukai Taksiran sebanyak 3% setahun.	1. Mentaksir dan menilai 100% pegangan dalam tempoh 60 hari selepas OP dikeluarkan. Jumlah pegangan yang ditaksir dan dinilai (OP dan tanpa OP) sebanyak 2,000 – 2,500 setahun. Peningkatan Cukai Taksiran sekurang-kurangnya RM1 Juta setahun. Pelan Strategik 2021 – 2025: Mencapai 85,000 pegangan di kawasan MPP menjelang 2025 (pegangan swasta) (73,117 pegangan ke 83,000 pegangan) Mencapai hasil cukai dari taksiran sebanyak RM35 juta menjelang 2025 (pegangan swasta) (RM30 juta ke RM35 juta) (Purata peningkatan RM1juta setahun) Meningkatkan hasil dari caruman membantu kadar dari pegangan kerajaan sebanyak RM2 juta (RM2.1 juta ke RM4 juta)	1. Penilaian semula pegangan di kawasan industri. 2. Penilaian semula pegangan kediaman yang diubahsuai untuk kegunaan komersial dan industri. 3. Penilaian pegangan baru tanpa OP di kawasan kampung dan subbandar. 4. Permohonan OP disertakan dengan maklumat lengkap pemilik / pembeli pegangan dan “Sales & Purchase Agreement” 5. Ukurperiksa projek mega seperti Prima sebelum OP dikeluarkan. 6. Penilaian semula pegangan kerajaan (Sumbangan Membantu Kadar)	a) Pegawai Penilaian, W52 b) Pegawai Penilaian, W41 c) Penolong Pegawai Penilaian, W29 d) Pembantu Penilaian W22/W19 e) Pekerja Awam, H11/R1
	2. Mentaksir dan menilai 90% pegangan (tanpa OP) dalam tempoh 90 hari (3 bulan) dari tarikh penerimaan permohonan/maklumat.	1) Mengawal Buku Rekod Pegangan (Tiada OP) & Rekod Pegangan Yang Perlu diukurperiksa dan dinilai (Tanpa OP) melalui Sistem Penilaian eLA2. 2) Menyediakan jadual ukurperiksa dan memantau kerja ukurperiksa dan penilaian dengan menggunakan Sistem Penilaian eLA2. 3) Mengemaskini dan mengamal Aras Nilai (<i>Tone of the List</i>) 4) Mengukur periksa dan menilai pegangan. 5) Membuat pindaan terhadap Senarai Nilai dan mengurus bantahan terhadap nilai.	a) Pegawai Penilaian, W52 b) Pegawai Penilaian, W41 c) Penolong Pegawai Penilaian, W29 d) Pembantu Penilaian W22/W19 e) Pekerja Awam, H11/R1

Bidang Keberhasilan Utama (KRA) 1: Meningkatkan Hasil

Objektif Strategik: Meningkatkan Hasil Sebanyak 3% Setahun

Strategi	KPI	Initiatif	Pegawai Yang Bertanggungjawab
1.2 Menambah hasil Majlis dari kutipan Cukai Taksiran sebanyak 2% setahun dengan menambahbaik keberkesanan kutipan Cukai Taksiran.	Mengutip sekurang-kurangnya 87% cukai taksiran semasa. <u>Pelan Strategik 2021 – 2025:</u> Mengutip sekurang-kurangnya purata 90% Cukai Taksiran semasa.	- Semua bil cukai taksiran di hantar sebelum hujung bulan Mac (bil setengah tahun) & sebelum hujung bulan Julai (bil tahunan) (penghantaran diawalkan). - Meningkatkan kekerapan penghantaran notis peringatan melalui SMS. - Notis Peringatan dihantar sebelum bulan Januari, Mei, Oktober & Disember. - Meningkatkan Perkhidmatan Kaunter Bergerak. - Perkhidmatan kutipan cukai pintu “Door to Door” - Penjanaan dan penghantaran bil Cukai Taksiran dengan surcaj kepada pembayar cukai taksiran. - Memantau serta menelefon pemilik pegangan (seperti pemaju) yang mempunyai cukai taksiran tahunan yang besar untuk mengingatkan mereka mengenai tarikh genap bayaran cukai taksiran. - Menambah kaedah mendapat emel dan <i>handphone</i> pemilik pegangan supaya dapat menghantar bil cukai taksiran melalui ebilling (melalui <i>Service Sarawak Counters</i>).	a) Pegawai Penilaian, W52 b) Pegawai Penilaian, W41 c) Pen. Pegawai Penilaian, W29 d) Pembantu Penilaian, W22 /W19 e) Penghantar Bil Cukai Taksiran & Pekerja Awam, N12 f) / H11 / R1
	Mengutip sekurang-kurangnya 20% tunggakan cukai taksiran. <u>Pelan Strategik 2021 – 2025:</u> Mengurangkan tunggakan cukai taksiran terkumpul sekurang-kurangnya 30% jumlah cukai taksiran tahunan semasa.	- Meninjau semula (<i>Revisit</i>) kes yang mempunyai tunggakan cukai taksiran yang besar yang telah disaman oleh MPP dan mengambil tindakan lanjutan (<i>Execution of judgement</i> seperti “<i>Warrant of Arrest</i>”, “<i>garnishment</i>”, menyuruh penyewa pegangan membayar tunggakan dan menahan hartanah). - Menjana dan menghantar bil tunggakan cukai taksiran dengan denda bayar lewat dikira sehingga bulan Mei / Oktober supaya dapat dibayar di Kaunter SBBS. - Meningkatkan Program Kaunter Bergerak / Kutipan tunggakan secara “<i>Door to Door</i>”	a) Pegawai Penilaian, W52 b) Pegawai Penilaian, W41 c) Penolong Pegawai Tadbir, N29 d) Pembantu Tadbir, N22/N19 e) Penghantar Bil Cukai Taksiran dan Pekerja Awam, N12/H11/R1 f) Pegawai Undang-Undang, L41 g) Penolong Pegawai Undang-Undang, L29

Bidang Keberhasilan Utama (KRA) 1: Meningkatkan Hasil

Objektif Strategik: Meningkatkan Hasil Sebanyak 3% Setahun

Strategi	KPI	Initiatif	Pegawai Yang Bertanggungjawab
1.2 Menambah hasil Majlis dari kutipan Cukai Taksiran sebanyak 2% setahun dengan menambahbaik keberkesanan kutipan cukai taksiran.	Mengutip sekurang-kurangnya 20% tunggakan Cukai Taksiran. <u>Pelan Strategik 2021-2025:</u> Mengurangkan tunggakan cukai taksiran terkumpul sekurang-kurangnya 30% jumlah cukai taksiran tahunan semasa.	4. Program kutipan tunggakan cukai taksiran secara “Door to Door” diiringi oleh Pegawai Penguatkuasa Majlis. 5. Menyiasat maklumat penghutang untuk mendapat maklumat alamat kediaman penghutang, nombor telefon bimbit, maklumat penyewa untuk membantu kutipan tunggakan cukai taksiran (On site dari lain PBT, Jabatan Tanah dan Survei, Jabatan Pendaftaran Negara).	a) Pegawai Penilaian, W52 b) Pegawai Penilaian, W41 c) Pen. Pegawai Tadbir,N29 d) Pembantu Tadbir, N22/N19 e) Penghantar Bil Cukai Taksiran & Pekerja Awam, N12/H11/R1 f) Pegawai Undang-Undang, L41 g) Penolong Pegawai Undang-Undang, L29
1.3 Meningkatkan Kutipan Hasil Pelbagai Majlis Tahun 2021-2025 : Peningkatan 1% hasil pelbagai Majlis	Meningkatkan 1% hasil pelbagai Majlis setiap tahun	1. Yuran Pemprosesan bagi tender yang berjaya (RM100) 2. Mengenakan yuran pemprosesan pendaftaran pembekal/kontraktor Bahagian Penguatkuasaan:- a) Caj Kompaun - Mempergiatkan aktiviti pemeriksaan permit dan lesen serta penguatkuasaan. (e.g. Kompaun) Bahagian Kejuruteraan:- a) <i>Processing fee for road permit</i> b) <i>Processing fee Engineering Plan Submission</i> c) <i>Administrative fee for the issuance of Road Completion Certificate.</i> Bahagian Kesihatan Awam:- a) Permit Iklan : Kain rentang & billboard b) <i>Processing fee for supporting Letter</i> c) <i>Processing fee for Reflexology (RHEL)</i> d) <i>Processing fee for Entertainment;</i> e) <i>Processing fee for License Application</i> f) Yuran pemprosesan untuk <i>Business Name Signage</i> g) Caj tambahan punggutan sampah (memastikan bil ACR dikeluarkan dan dijelaskan)	a) Akauntan, WA44 b) Penolong Akauntan, W36/W32/W29 c) Pegawai Penilaian, W52 d) Pegawai Penilaian, W41 e) Pegawai Kesihatan dan Persekitaran, U41 f) Penolong Pegawai Kesihatan dan Persekitaran, U36, U32, U29 g) Penguatkuasa, KP41 h) Penolong Penguatkuasa, KP29 i) Jurutera, J44 j) Penolong Jurutera, J29/J36

Bidang Keberhasilan Utama (KRA) 2 : Penguatkuasaan Dan Pematuhan Peraturan

Objektif Strategik: Meningkatkan Pematuhan Terhadap Prosedur Dan Peraturan

Strategi	KPI	Initiatif	Pegawai Yang Bertanggungjawab
2.1 Membudayakan Kualiti, Inovasi, Kreativiti dan Imej Korporat serta Penjenamaan MPP	1. Mendapat pensijilan dalam MS ISO 9001:2015 untuk proses-proses utama.	1. Mendapatkan pensijilan semula bagi proses-proses utama MS ISO 9001:2015 2. Mengadakan program pendedahan pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS) MS ISO 31007:2016	a) Semua Ketua Bahagian b) Wakil Pengurusan (MR) c) Ketua Audit Dalaman d) Ketua Seksyen Transformasi Dan Integriti
	2. Sekurang-kurangnya 25% pencapaian kaji semula terhadap dokumen MS ISO 9001	1. Memastikan: -Audit Dalaman -Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan & Surveillance Audit diadakan setahun sekali 2. Mengeluarkan memo peringatan untuk mengkaji semula dokumen MS ISO : 9001 sekurang-kurangnya 2 kali setahun sebelum sesi Audit Luaran oleh SIRIM	a) Semua Ketua Bahagian b) Wakil Pengurusan (MR) c) Ketua Audit Dalaman d) Ketua Seksyen Transformasi dan Integriti.
	3. Mencapai 80% pematuhan MS ISO 9001 Dimerit : 1 Major NCR = 20 1 Minor NCR = 10	1. Mengadakan audit dalaman 1 tahun sekali 2. Mengadakan audit pematuhan oleh SIRIM 1 kali setahun 3. Memastikan penemuan semasa audit diambil dalam masa 7 hari bekerja oleh pemilik dokumen / proses berkenaan 4. Mengadakan program / latihan berkaitan pelaksanaan MS ISO 9001:2015 5. Mengadakan latihan audit dalaman bagi Juru Audit yang baharu 6. Pelaksanaan penggunaan e-dokumen ke atas setiap dokumen MS ISO yang sedia ada.	a) Semua Ketua Bahagian b) Wakil Pengurusan (MR) c) Ketua Audit Dalaman d) Ketua Seksyen Transformasi Dan Integriti
	4. Mengemukakan satu (1) tajuk projek KFA secara tahunan.	1. Mengenalpasti dan melaksanakan KFA.	a) Semua Ketua Bahagian b) Ketua Seksyen Transformasi dan Integriti
	5. Sekurang-kurangnya satu (1) kumpulan KIK untuk menyertai pertandingan di peringkat PBT Sarawak / Negeri atau kedua-duanya sekali.	1. Memastikan penyertaan kumpulan KIK dalam Konvensyen peringkat PBT Sarawak / Negeri atau kedua-duanya.	a) Semua Ketua Bahagian b) Ketua Kumpulan KIK c) Ketua Seksyen Transformasi dan Integriti

Bidang Keberhasilan Utama (KRA) 2 : Penguatkuasaan Dan Pematuhan Peraturan

Objektif Strategik: Meningkatkan Pematuhan Terhadap Prosedur Dan Peraturan

Strategi	KPI	Initiatif	Pegawai Yang Bertanggungjawab
2.1 Membudayakan Kualiti, Inovasi, Kreativiti dan Imej Korporat serta Penjenamaan MPP.	6. 95% fail meja dikemaskini.	1. Ketua Bahagian wajib menyediakan fail meja untuk kakitangan baharu di bahagian masing-masing. 2. Ketua Bahagian hendaklah membuat penilaian secara umum “outcome dan impact” untuk jangka masa panjang selepas penghasilan fail meja. 3. Pegawai Seranta perlu melaksanakan pengemaskinian Fail Meja 2 kali setiap tahun.	a) Semua Ketua Bahagian b) Ketua Seksyen Pentadbiran c) Ketua Seksyen Transformasi dan Integriti
	7. Pengamalan EKSA	1. Penubuhan Jawatankuasa Induk bagi pelaksanaan EKSA 2. Menggerakkan aktiviti EKSA bagi Pencapaian Sijil EKSA pada bulan Ogos 2021 3. Memupuk aktiviti amalan 3R dalam EKSA	a) Semua Ketua Bahagian b) Ketua Seksyen Pentadbiran c) Semua Ketua Zon EKSA
	8. Pelaksanaan Balanced Scorecard	1. Mengadakan 4 kali mesyuarat dalam setahun. 2. Mengemaskini pelaporan pencapaian sukuan/tahunan di dalam SCS Scorecard System sebelum tarikh akhir pengemaskinian. 3. Menjalankan audit dalaman BSC sekali dalam setahun.	a) Semua Ketua Bahagian b) Semua Measured Lead BSC c) Penolong Pegawai Tadbir, N29 (Seksyen T&I) d) Pembantu Tadbir, N22 (Seksyen T&I)
	9. Pelaksanaan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan.	1. Mengadakan tiga (3) kali sesi mesyuarat berdasarkan jadual thunan. 2. Mengemaskini pelaporan sukuan mengikut format pengelasan isu seperti yang diarahkan dalam pekeliling.	a) Semua Ketua Bahagian b) Pengerusi MBJ (Pekerja) c) Setiausaha MBJ (Pekerja) d) Setiausaha MBJ (Pengurusan) e) Ketua Seksyen Transformasi dan Integriti
	10. Mengadakan sekurang-kurangnya 16 program pembudayaan ilmu.	1. Mengalakkan penyertaan dalam kursus secara atas talian yang dianjurkan oleh pihak berkaitan. 2. Menjemput pihak luar seperti INTAN, Unit SHRU, Jabatan Ketua Menteri mengendalikan Latihan untuk memperkasakan pengetahuan kakitangan MPP.	a) Semua Ketua Bahagian b) Ketua Seksyen Sumber Manusia c) Pembantu Tadbir, N22 (HR Latihan)
2.2 Mengurus bajet dengan lebih berkesan.	1. Sekurang-kurangnya berbelanja sehingga 96% dari anggaran tahunan Majlis. 2. Memastikan geran yang diterima dibelanja dengan sepenuhnya.	1. Memantau Penutupan Akaun Bulanan. 2. Pembentangan Laporan Kewangan di Mesyuarat Pengurusan 3. Membuat Semakan Semula Terhadap Bajet setiap Suku Tahun	a) Timbalan Setiausaha (PK) b) Semua Ketua Bahagian c) Akauntan

Bidang Keberhasilan Utama (KRA) 2 : Penguatkuasaan Dan Pematuhan Peraturan

Objektif Strategik: Meningkatkan Pematuhan Terhadap Prosedur Dan Peraturan

Strategi	KPI	Initiatif	Pegawai Yang Bertanggungjawab
2.3 Pengurusan Kewangan Yang Berhemah.	1. Memastikan pengurusan kewangan mematuhi arahan dan peraturan Local Authority Financial Regulations, 1997 (LAFR, 1997), Arahan Perbendaharaan (TI) dan Surat Pekeliling semasa.	1. Penyata Kewangan Tahunan dihantar dalam bulan Mac. 2. Mengadakan Mesyuarat eCSA di Bahagian Kewangan sekurang-kurangnya 6 bulan sekali. 3. Menjalankan audit dalaman 6 bulan sekali.	a) Akauntan b) Semua Ketua Bahagian
	2. Mencapai 5 Bintang eCSA menjelang tahun 2025.	4. Mendapat Sijil Bersih dari pengauditan penyata kewangan tahunan.	a) Timbalan Setiausaha (PK) b) Akauntan c) Semua Ketua Bahagian
2.4 Membelanjakan Anggaran Tahunan Secara Berkesan.	1. Mengurangkan kos operasi 2. Mengehadkan Supplementary tidak melebihi 5% daripada Anggaran Tahunan diluluskan (tidak termasuk emolument dan perbelanjaan berkaitan)	1. “Centralization” penggunaan mesin fotostat untuk mencetak dokumen. 2. Pengawasan ke atas pembelian bekalan alatulis, toner, dsb. 3. Caj perbelanjaan di vote kepala yang betul. 4. Penutupan elektrik penghawa dingin dan lampu, di semua bahagian, Dewan, dan Bilik Komiti semasa waktu makan tengahari untuk penjimatan kos elektrik serta water dispenser hanya dibuka semasa perlu. 5. Kos perundingan/ pentadbiran untuk projek agensi lain (RTP, BP, MARRIS, dll) dicaj ke peruntukan yang berkaitan.	a) Semua Ketua Bahagian b) Akauntan c) Penolong Akauntan
2.5 Melaksanakan e-Payment (Electronic Fund Transfer)	1. Kesemua bayaran dalaman / luaran dibuat secara “e-payment”	1. Semua pembayaran dibuat melalui Electronic Fund Transfer (EFT)	a) Timbalan Setiausaha b) Semua Ketua Bahagian c) Akauntan d) Penolong Akauntan
2.6 Penyimpanan Simpanan Tetap Sementara Baharu.	1. Kesemua pelaburan baharu diluluskan dalam Jawatankuasa Pelaburan dan dilaporkan dalam Jawatankuasa Kewangan Dan Perjawatan.	1. Kesemua pelaburan Simpanan Tetap Sementara Baharu akan mendapat kelulusan daripaa Jawatankuasa Pelaburan, Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Majlis. 2. Keputusan daripada Jawatankuasa Pelaburan juga akan dibawa ke Jawatankuasa Kewangan dan Perjawatan untuk makluman.	a) Timbalan Setiausaha b) Semua Ketua Bahagian c) Akauntan d) Penolong Akauntan

Bidang Keberhasilan Utama (KRA) 2 : Penguatkuasaan Dan Pematuhan Peraturan

Objektif Strategik: Meningkatkan Pematuhan Terhadap Prosedur Dan Peraturan

Strategi	KPI	Initiatif	Pegawai Yang Bertanggungjawab
2.7 Pengurusan Aset Yang Berkesan.	Mematuhi dan menepati prosedur Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan.	1. Menggunapakai dan mengemaskini borang KEW.PA yang berkaitan. 2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun. 3. Pemeriksaan mengejut oleh Audit Dalaman diadakan 3 kali setahun. 4. Melaporkan jumlah aset dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perjawatan dan dikemukakan kepada pihak Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan (MLGH) sebelum April.	a) Semua Ketua Bahagian b) Pegawai Aset c) Semua Focal Person Aset Bahagian
2.8 Penguatkuasaan Binaan Tanpa Izin di Kawasan MPP	1. Mensasarkan sifar struktur tanpa izin di tempat awam kawasan Matang Jaya - “Stand-alone” dan bertiang - State land / road reserve 2. Roller Shutter di kawasan seliaan MPP 3. Mencapai 80% kadar pematuhan notis roboh.	1. Merancang dan melaksanakan pemeriksaan berjadual ke atas kawasan- kawasan yang dikenalpasti untuk pengumpulan data 2. Membinan pangkalan data bagi binaan tanpa izin (penyambungan haram)	a) Ketua Bahagian Perancangan dan Pembangunan b) Ketua Bahagian Penguatkuasa c) Ketua Bahagian Kesihatan Dan Perkhidmatan Bandar d) Ketua Bahagian Kejuruteraan e) Ketua Bahagian Pembangunan Komuniti Dan Korporat f) Ketua Unit Perundangan
2.9 Penguatkuasaan penjaja tanpa izin di kawasan MPP	1. Sifar penjaja tanpa izin di sekitar kawasan “hotspot” pada hujung bulan Disember 2021 - Batu 3 - Batu 7 - Batu 10 - Kuching City Mall - Matang Jaya	1. Publisiti melalui media massa. 2. Penggunaan “BodyCam / GoPro” semasa operasi dan pemantauan malam bertujuan untuk keselamatan anggota beserta mengumpul bukti. 3. Pemantauan secara berjadual 16 kali sebulan di kawasan hotspot. 4. Meluaskan kawasan pemantauan harian termasuk kawasan perumahan dan kediaman. 5. Memberi surat tuntutan untuk membayar kompaun yang tertunggak - Maklumat - Rekod	a) Ketua Bahagian Penguatkuasa b) Ketua Bahagian Kesihatan Dan Perkhidmatan Bandar c) Ketua Bahagian Pembangunan Komuniti Dan Korporat

Bidang Keberhasilan Utama (KRA) 2 : Penguatkuasaan Dan Pematuhan Peraturan

Objektif Strategik: Meningkatkan Pematuhan Terhadap Prosedur Dan Peraturan

Strategi	KPI	Initiatif	Pegawai Yang Bertanggungjawab
2.9 Penguatkuasaan penjaja tanpa izin di kawasan MPP	2. Sifar penjaja tanpa izin di sekitar kawasan "hotspot" pada hujung bulan Disember 2021 - Batu 3 - Batu 7 - Batu 10 - Kuching City Mall - Matang Jaya	6. Meningkatkan kerjasama antara Bahagian HMS unit perlesenan di MPP untuk tindakan penguatkuasaan. 7. Pembahagian tugas melalui panggil nama (rollcall) setiap pagi 8. Tumpuan perlu diberi pada waktu siang sahaja sebab kebanyakan yang berjual pada waktu malam adalah penjual burger & panggang di mana tidak menimbulkan aduan orang awam. Tumpuan kawasan rondaan tidak perlu di kawasan perumahan sebab kebanyakan yang berjual dihadapan rumah sendiri. 9. Dalam KPI tumpuan adalah dikawasan pasar/komersial. Mungkin boleh ditambah inisiatif baru iaitu mewujudkan PPS baru, seperti contoh di Kota Padawan	a) Ketua Bahagian Penguatkuasa b) Ketua Bahagian Kesihatan Dan Perkhidmatan Bandar c) Ketua Bahagian Pembangunan Komuniti Dan Korporat
2.10 Penguatkuasaan lesen premis perniagaan pelbagai (kecuali lesen penjaja)	1. Memastikan semua premis perniagaan yang beroperasi dalam kawasan sasaran memiliki lesen perniagaan majlis. Kawasan sasaran / tumpuan: Zon A (Batu 10) Kawasan sasaran / tumpuan: Zon B (Matang)	1. Mendapatkan data/maklumat dari Bahagian HMS (Unit Perlesenan). 2. Rondaan ke kawasan sasaran. 3. Membuat pangkalan data khas untuk premis tanpa lesen untuk kawasan sasaran. 4. Pemantauan bersama Bahagian HMS (Unit Perlesenan). 5. Penyediaan SOP berkenaan penguatkuasaan lesen.	a) Ketua Bahagian Penguatkuasa b) Ketua Bahagian Kesihatan Dan Perkhidmatan Bandar
2.11 Penguatkuasaan lesen iklan. (Bunting dan Banner)	1. Memastikan lesen atau permit yang dikeluarkan pihak Majlis 100% mematuhi syarat-syarat lesen dalam Form B. 2. Memastikan Banner dan Bunting yang dipamer dalam kawasan MPP 100% memiliki lesen/permit.	1. Mencadangkan penyediaan rangka khas untuk menggantung Banner/Bunting ditempat yang strategik. 2. Penambahbaikan SOP yang sedia ada. 3. Pemantauan secara berjadual 16 kali sebulan di kawasan Hotspot. 4. Mencadangkan agen yang menggantung iklan tersebut berdaftar dengan Majlis. 5. Pangkalan data bahan iklan.	a) Ketua Bahagian Penguatkuasa

Bidang Keberhasilan Utama (KRA) 3 : Penglibatan Stakeholder

Objektif Strategik: Meningkatkan Hubungan Antara MPP dan Masyarakat Tempatan.

Strategi	KPI	Initiatif	Pegawai Yang Bertanggungjawab
3.1 Pembangunan Komuniti Melalui Penglibatan Komuniti.	1. Menganjurkan tiga (3) acara Pesta Padawan secara tahunan: a) Padawan Raft Safari b) BHR Padawan Nature Challenge c) Pesta Telaga Air	1. Menubuhkan Jawatankuasa Pengelola di mana keahlian jawatankuasa merangkumi Ahli-Ahli Majlis, pegawai-pegawai MPP, wakil-wakil Jabatan, NGO dan agensi yang berkaitan dan wakil-wakil komuniti setempat. 2. Pemantauan rapi terhadap penggunaan borang Maklum Balas (Feedback Survey Form) untuk membuat penilaian terhadap impak dan objektif aktiviti / acara yang telah dilaksanakan. 3. Pelaporan Tahunan yang lengkap kepada Kementerian yang berkenaan. (Cth: Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan / Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak) 4. Mengkaji langkah-langkah untuk memastikan penerimaan balik borang maklumbalas diterima daripada program penglibatan komuniti menepati sasaran yang ditetapkan.	a) Ketua Bahagian Pembangunan Komuniti dan Korporat (CDC) b) Setiausaha Pengelola
	2. Mengkaji semula program/aktiviti yang berpotensi untuk meningkatkan penglibatan komuniti dan mengurangkan jurang antara pihak Majlis dan komuniti setempat.	1. Menganjur sesuatu program yang merangkumi pelbagai aktiviti dengan tujuan untuk memberikan impak yang berkesan kepada komuniti setempat. <u>Pelan Strategik MPP 2021-2025:</u> 1. Memberikan penjelasan serta bimbingan kepada JKK Komuniti yang bersama-sama menganjur program/aktiviti akan penganjuran suatu program yang merangkumi pelbagai aktiviti yang memberikan impak yang berkesan kepada komuniti setempat. <i>Cnth:</i> • Penganjuran program yang mendidik mengenai usahawan kecil. • Penambahan ilmu tentang pencegahan Covid-19 • Pendedahan tentang cara-cara untuk mencegah kebakaran. • Peningkatan dalam pendapatan daripada hasil pembelajaran (<i>jika ada</i>) serta pengalaman penganjuran (Membolehkan pihak penganjur dapat melaksanakan program/aktiviti tersebut sepenuhnya sendiri)	3. Ketua Bahagian Pembangunan Komuniti dan Korporat (CDC) 4. Setiausaha Pengelola

Bidang Keberhasilan Utama (KRA) 3 : Penglibatan Stakeholder

Objektif Strategik: Meningkatkan Hubungan Antara MPP dan Masyarakat Tempatan.

Strategi	KPI	Initiatif	Pegawai Yang Bertanggungjawab
3.1 Pembangunan Komuniti Melalui Penglibatan Komuniti	3. Menganjurkan lapan (8) program komuniti setempat dengan penglibatan aktif dari komuniti setempat yang dapat memberi impak yang lebih berkesan.	1. Kerjasama dengan Komuniti, NGO, Ahli Majlis & Agensi Swasta untuk menganjurkan aktiviti kemasyarakatan. 2. Menghantar permohonan peruntukan untuk Program Smart Community ke MLGH.	a) Ketua Bahagian Pembangunan Komuniti dan Korporat (CDC) b) Setiausaha Pengelola c) Semua Ketua Bahagian
	4. Sekurang-kurangnya 5% penerimaan balik borang maklumbalas diterima dalam tempoh 3 hari selepas program/aktiviti dilakukan	1. Pemantauan rapi terhadap penggunaan borang Maklum Balas (Feedback Survey Form) untuk membuat penilaian terhadap impak dan objektif aktiviti / acara yang telah dilaksanakan 2. Pelaporan Tahunan yang lengkap kepada Kementerian yang berkenaan. (Cth: Kementerian Kerajaan tempatan dan Perumahan and Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak) 3. Mengkaji langkah-langkah untuk memastikan penerimaan balik borang maklumbalas diterima daripada program penglibatan komuniti menepati sasaran yang ditetapkan. <u>Pelan Strategik 2021- 2025:</u> 1. Penggunaan “Google Form” untuk mendapat maklum balas daripada peserta aktiviti/program. 2. Mengambil data serta jumlah maklumbalas yang diterima daripada kumpulan sasar aktiviti/program tersebut.	a) Ketua Bahagian Pembangunan Komuniti dan Korporat (CDC) b) Setiausaha Pengelola c) Ketua Bahagian Kesihatan & Perkhidmatan Bandar
	5. Pengurangan sekurang- kurangnya 10% penggunaan bajet yang disalurkan daripada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan untuk program.	1. Kerjasama dengan Komuniti, NGO, Ahli Majlis & Syarikat Swasta untuk menganjurkan aktiviti kemasyarakatan 2. Mengenalpasti dan memohon peruntukan daripada pihak agensi yang berkaitan <u>Pelan Strategik 2021-2025:</u> 1. Memberi galakkan kepada JKK Komuniti setempat untuk mendapatkan sumber kewangan/dana daripada NGO, Agensi Swasta mahupun ADUN kawasan tersebut.	a) Ketua Bahagian Pembangunan Komuniti dan Korporat

Bidang Keberhasilan Utama (KRA) 3 : Penglibatan Stakeholder

Objektif Strategik: Meningkatkan Hubungan Antara MPP dan Masyarakat Tempatan.

Strategi	KPI	Initiatif	Pegawai Yang Bertanggungjawab
3.1 Pembangunan Komuniti Melalui Penglibatan Komuniti	6. Menerap sekurang-kurangnya dua (2) program Sustainable Development Goals (SDG) yang menitikberatkan persekitaran yang mampan.	1. Mengenalpasti program SDG yang hendak dilaksanakan (daripada 17 teras utama SDG) 2. Menubuhkan struktur Jawatankuasa SDG dengan kerjasama sektor swasta dan masyarakat setempat. 3. Berkerjasama dengan komuniti SDG dari PBT/Agensi/NGO yang lain dalam pelaksanaan projek SDG 4. Melakukan penandaarasan (<i>Benchmarking</i>) dengan PBT dan agensi yang sedang melaksanakan SDG	a) Ketua Bahagian Pembangunan Komuniti dan Korporat b) Ketua Bahagian Kesihatan Dan Perkhidmatan Bandar c) Ketua Bahagian Penilaian Dan Pencukaian
	7. Menerap sekurang-kurangnya dua (2) program Sustainable Development Goals (SDG) yang menitikberatkan persekitaran yang mampan	<u>Pelan Strategik 2021-2025:</u> Pelaksanaan Jawatankuasa Pelaksanaan SDG akan dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan keperluan komuniti setempat (Bottom-Up Approach) Bekerjasama dengan komuniti SDG dari PBT/Agensi/NGO yang lain dalam pelaksanaan projek SDG. (Hybrid) Contoh aktiviti yang akan dilaksanakan: a) Green Market, Green Community (Goal 12: Responsible Consumption and Production) b) House Repair for The Poor Programme / Issuing Hawker License to Low Income group (Goal No.1: No Poverty) c) Telaga Air Community (Goal 11: Sustainable Cities and Communities) d) Save The Earth Hour (Goal 13 : Climate Action)	a) Ketua Bahagian Pembangunan Komuniti dan Korporat b) Ketua Bahagian Kesihatan Dan Perkhidmatan Bandar c) Ketua Bahagian Penilaian Dan Pencukaian
	8. Menjalinkan hubungan yang erat dengan pihak media dan orang awam	1. Mengadakan malam mesra / aktiviti riadah bersama media 2. Mengadakan sesi dialog dengan orang awam 3. Mengadakan Program “Buah Tangan Musim Perayaan (Contoh : Tahun Baru Cina — Limau Mandarin, Hari Raya Puasa – Kurma)	a) Ketua Bahagian Pembangunan Komuniti dan Korporat b) Semua Ketua Bahagian

Bidang Keberhasilan Utama (KRA) 3 : Penglibatan Stakeholder

Objektif Strategik: Meningkatkan Hubungan Antara MPP dan Masyarakat Tempatan.

Strategi	KPI	Initiatif	Pegawai Yang Bertanggungjawab
3.1 Pembangunan Komuniti Melalui Penglibatan Komuniti	9. Mencapai sekurang-kurangnya 2000 followers (pengikut) dalam “MPP Facebook Page” dalam setahun.	1. Memastikan informasi yang dimuat turunkan adalah tepat dan sahih. 2. Memperoleh informasi melalui informasi yang betul. 3. Memastikan majlis rasmi dan aktiviti MPP dimuat turundan liputan dibuat dalam tempoh 24 jam untuk mendapat publisiti meluas melalui media massa (Media cetak/ MPP Facebook Page)	a) Ketua Bahagian Pembangunan Komuniti dan Korporat b) Semua Ketua Bahagian
3.2 Memantapkan Pengurusan Aduan Majlis	1. Pemakluman penerimaan aduan kepada pengadu dilaksanakan dalam masa 1 hari bekerja – Talikhidmat Pencapaian : sekurang- kurangnya sebanyak 90%	1. Memastikan pengesahan penerimaan kepada pengadu dilakukan dalam tempoh 24 jam.	a) Ketua Bahagian Pembangunan Komuniti dan Korporat b) Semua Ketua Bahagian c) Focal Person di setiap bahagian
	2. Pemakluman status aduan kepada pengadu dilaksanakan dalam masa 3 hari bekerja — Talikhidmat Pencapaian : sekurang-kurangnya sebanyak 85%	1. Pemantauan rapi dengan kerjasama pihak SAINS dalam memastikan status aduan kepada pengadu dilakukan dalam tempoh 3 hari bekerja	a) Ketua Bahagian Pembangunan Komuniti dan Korporat b) Semua Ketua Bahagian c) CIO & ACIO
	3. Tindakan penyelesaian melalui media massa dalam tempoh 3 hari bekerja	1. Pemantauan secara harian terhadap aduan di dalam media cetak/massa dan tindakan penyelesaian akan dilakukan dengan serta-merta. 2. Aduan tersebut akan disalurkan kepada bahagian yang bertanggungjawab secepat mungkin. (Pengikut yang menghantar aduan melalui Facebook akan dinasihati untuk menghantar aduan melalui saluran yang sepatutnya) 3. Penggunaan “Google Form” untuk mengedar borang kaji selidik kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan teras dan perkhidmatan kaunter melalui Ahli-Ahli Majlis, Perpustakaan Awam dan Perpustakaan Desa serta turut diletakkan di kaunter Perkhidmatan Pelanggan Majlis	a) Ketua Bahagian Pembangunan Komuniti dan Korporat b) Semua Ketua Bahagian

Bidang Keberhasilan Utama (KRA) 3 : Penglibatan Stakeholder

Objektif Strategik: Meningkatkan Hubungan Antara MPP dan Masyarakat Tempatan.

Strategi	KPI	Initiatif	Pegawai Yang Bertanggungjawab
3.2 Meningkatkan Stakeholders Satisfaction Rating	1. Mencapai sekurang-kurangnya 65% kepuasan pelanggan	1. Menjalankan survei dan analisa mengikut zon-zon yang telah ditetapkan untuk perkhidmatan pemotongan rumput dan pembersihan parit serta penurapan jalan.	a) Semua Ketua Bahagian b) Ketua Seksyen CCL
		2. Memantapkan piagam pelanggan Majlis dengan sentiasa memantau, mengkaji semula piagam pelanggan di setiap Bahagian.	
		3. Mempamer dan mempromosi piagam pelanggan untuk makluman orang ramai.	
	2. Mencapai sekurang-kurangnya 80% pencapaian kepuasan pelanggan terhadap 20 perkhidmatan teras dan perkhidmatan kaunter	1. Mengedar borang kaji selidik kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan teras dan perkhidmatan kaunter melalui Ahli-Ahli Majlis, Perpustakaan Awam dan Perpustakaan Desa serta turut diletakkan di kaunter Perkhidmatan Pelanggan Majlis.	a) Semua Ketua Bahagian b) Ketua Seksyen CCL
		2. Menguruskan kaunter perkhidmatan Majlis (di Pusat Kaunter Setempat MPP) dan melaksanakan perkhidmatan kaunter yang efektif.	
	3. Mencapai sekurang-kurangnya 90% pencapaian daripada 34 perkara di dalam Piagam Pelanggan MPP	1. Memantapkan Piagam Pelanggan Majlis dengan sentiasa memantau, mengkaji semula Piagam Pelanggan di setiap Bahagian 1 kali setahun	a) Semua Ketua Bahagian b) Ketua Seksyen Transformasi Dan Integriti
		2. Setiap Ketua Bahagian perlu memastikan Focal Person melaporkan pencapaian piagam pelanggan masing-masing kepada Seksyen Transformasi Dan Integriti secara sukuan.	
		3. Memastikan Seksyen Perhubungan Awam mempamer dan mempromosi piagam pelanggan untuk makluman orang ramai melalui platform media (Website/FB).	

Bidang Keberhasilan Utama (KRA) 4 : Perkhidmatan Perbandaran

Objektif Strategik: Meningkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Majlis

Strategi	KPI	Initiatif	Pegawai Yang Bertanggungjawab
4.1 Membersih dan menyelenggara tandas awam	1. 100% tandas awam milik PBT mencapai 3 Bintang dan ke atas. (Termasuk tandas awam di Bangunan MPP dan bangunan di bawah seliaan MPP)	1. Pemantauan kerja pekerja MPP dan kontraktor	a) Ketua Bahagian Kesihatan Dan Perkhidmatan Awam
		2. Penggunaan Sistem Dimerit	b) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, U29/U32
		3. Menyediakan kemudahan-kemudahan baru kepada tandas awam sedia ada iaitu: - Membaikpulih infrastruktur termasuk mengecat - Membaikpulih fasiliti dalam tandas	a) Ketua Bahagian Kesihatan Dan Perkhidmatan Awam
	2. 40% tandas awam milik PBT mencapai 4 bintang dan ke atas (berdasarkan KPI daripada KPKT)	4. Semua penyelia memberikan laporan kerosakan tandas bagi tujuan penyelenggaraan.	b) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, U29/U32
	3. 75% tandas awam swasta, stesen minyak dan pusat membeli belah mencapai 3 Bintang dan ke atas	5. Penilaian dan pemeriksaan ke atas semua tandas awam dan swasta secara berjadual.	a) Ketua Bahagian Kesihatan Dan Perkhidmatan Awam
		6. Memastikan pemeriksaan dan penggredan tandas-tandas awam di kawasan MPP dijalankan secara rutin dan berjadual	b) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, U29/U32
		7. Pemeriksaan berkala berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak berikut : • 5 Bintang – 6 bulan sekali • 4 Bintang – 5 bulan sekali atau mengikut keperluan 3 Bintang - 5 Bulan • 2 Bintang – 4 Bulan • 1 Bintang – 2 Bulan (ataupun mengikut keperluan)	
		8. Membuat penilaian terhadap kontraktor yang menyelenggara tandas awam milik MPP	
		9. Mempamerkan status penarafan bintang tandas awam bagi Tandas Awam Swasta yang diiktiraf 4 Bintang dan ke atas di Laman Web ataupun di Laman Facebook Majlis.	
		10. Mencadangkan tandas awam yang terlalu usang dan lama (Tandas Awam Jublee Mas dan Kampung Bengoh) di baikpulih/ dinaiktaraf dengan menggunakan peruntukan BP1.	

Bidang Keberhasilan Utama (KRA) 4 : Perkhidmatan Perbandaran

Objektif Strategik: Meningkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Majlis

Strategi	KPI	Initiatif	Pegawai Yang Bertanggungjawab
4.1 Membersih dan menyelenggara tandas awam		11. Menyediakan platform bagi pengguna tandas awam menyampaikan aduan/maklumbalas bagi tujuan penambahbaikan dari masa ke semasa. 12. Mempamerkan risalah/ poster berkaitan kempen kebersihan tandas awan dengan slogan kata “Kebersihan Tandas Tanggungjawab Bersama”.	a) Ketua Bahagian Kesihatan Dan Perkhidmatan Awam b) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, U29/U32
